

## **ORANG KURANG UPAYA (OKU) MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN HADIS**

IZZATUL NAJIHA BINTI BAHARUDIN

FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI

*farhahzaidar@kuis.edu.my*

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### **ABSTRAK**

*Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan komuniti marginal yang menjadi salah satu daripada entiti dalam masyarakat. Tanpa disedari kelainan ketara antara komuniti ini dengan manusia yang normal menyebabkan terbentuk jurang dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, keberadaan komuniti ini menuntut lebih keprihatinan dan kebijaksanaan daripada masyarakat dalam berinteraksi dengan mereka. Masyarakat memerlukan dorongan berpandu al-Quran dan hadis nabawi untuk meningkatkan lagi kesedaran bagi menerima dan menyantuni komuniti ini. Artikel ini bertujuan untuk menghuraikan pandangan Islam bersumberkan al-Quran dan Hadis terhadap komuniti tersebut. Data-data kajian dikumpulkan secara analisis dokumen. Dapatan kajian dianalisa secara deskriptif. Dapatan menunjukkan al-Quran menerusi ayat satu hingga 10 surah 'Abasa dan ayat 17 surah al-Fath serta empat buah hadis nabawi telah menjadi dalil utama yang menggariskan panduan tertentu untuk menyantuni golongan ini. Dapatan juga menemui tiga contoh sahabat Rasulullah  $\rho$  yang terdiri daripada komuniti OKU yang direkodkan bersangkut paut dengan kemunculan nas-nas tersebut. Kajian merumuskan bahawa OKU menurut al-Quran mahu pun hadis adalah diterima keberadaan mereka dan perlu disantuni berdasarkan tahap kemampuan mereka dalam semua aspek kehidupan termasuk ibadah, peluang menuntut ilmu, peluang membina kerjaya, berkeluarga dan lain-lain. Walau pun mereka berbeza tetapi perlu diberi peluang sama rata dengan manusia normal. Ia supaya kelangsungan hidup mereka dapat dirancang dengan berkesan dan dapat menggapai masa depan yang terbaik.*

**Kata kunci:** Orang Kurang Upaya (OKU), garis panduan, interaksi, al-Quran, Hadis.

### **1.0 PENGENALAN**

Kebanyakan daripada golongan OKU pastinya merasa sedih dan tidak bersemangat apabila mendapat tahu keadaan dirinya tidak sama dan tidak normal seperti orang lain yang normal. Tetapi sesungguhnya kelemahan atau kecacatan itu bukanlah penghalang bagi golongan ini untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan kerana sesungguhnya setiap individu itu pastinya mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. Allah s.w.t tidak sesekali menzalimi hambaNya. Jika seseorang mempunyai masalah pendengaran, biasanya dia masih mempunyai penglihatan dan begitulah sebaliknya. Itu antara bukti Allah s.w.t tidak pernah memilih hambaNya untuk menanggung kekurangan 100 peratus. Malah, orang buta ada kalanya memiliki deria pendengaran jauh lebih baik daripada insan normal. Kita dapat lihat dari sudut pelajaran, sukan, pekerjaan dan sebagainya, banyak kejayaan yang telah dilakar dan diperolehi oleh golongan OKU. Mereka telah membuktikan kepada masyarakat bahawa kekurangan dan kecacatan yang mereka hadapi itu bukanlah sesuatu yang menjatuhkan mereka, malah ia menjadi pembakar semangat dan dorongan motivasi buat mereka.

Dari persepektif Islam, setiap anak yang lahir itu adalah kurniaan Allah s.w.t kepada kedua ibubapanya, baik anak itu dilahirkan sempurna, mahupun sebaliknya. Kurniaan ini pula bukanlah diberi begitu sahaja, sebaliknya dengan segala tanggungjawab dan amanah yakni untuk membesarkan anak itu agar menjadi manusia yang berguna kepada keluarga, agama dan masyarakatnya. Jadi, sama ada anak itu sempurna mahupun tidak, tanggungjawab membesar dan mendidik mereka masih terletak di bahu kedua ibubapa. (Siti Fatimah, 2000)

‘Abd Rahman ‘Abd al-Khaliq menyatakan dari sudut ilmu tasawwuf bahawa Islam menganggap kewujudan OKU sebagai suatu kebaikan dan keberkatan kerana kasih sayang dan khidmat terhadap mereka akan menjadi faktor kepada kewujudan rahmat serta ganjaran Allah s.w.t kepada manusia di sekeliling OKU (Nur Fadliana Binti Che Di, 2015). Tema-tema dalam Islam juga menekankan norma dan moral yang tidak berkaitan akan perbezaan dan ketidakupayaan seseorang dan hak afirmatif yang diberikan kepada mereka yang kurang upaya. (Mona Amer, 2015)

Di dalam agama Islam, OKU membawa konsep yang sangat luas, holistik dan meliputi multidimensi dan perspektif. Multidimensi dengan melihat OKU dari aspek kekuasaan dan kebesaran Allah s.w.t, kejadian yang menurut kehendakNya, kemuliaan OKU sebagai manusia yang sebaik-baik makhluk yang dicipta untuk beribadat untuk kepadaNya sebagaimana manusia normal lain dan turut memikul amanah Allah s.w.t sebagai khalifah di dunia ini, serta OKU sebagai ciptaan Allah s.w.t yang bukan secara sia-sia. (Nur Fadliana Che Di. 2015)

Konsep OKU berdasarkan multiperspektif pula adalah ujian yang harus diterima dengan redha dan syukur dari perspektif OKU, sebagai nikmat dan anugerah Allah s.w.t yang harus diterima dengan penuh keinsafan dalam menghayati kejadianNya dari perspektif ahli keluarga OKU dan masyarakat sekeliling di sekeliling OKU (Mohd Faizul, 2017) Keluarga OKU, masyarakat sekeliling dan kerajaan berkewajipan dari segi syarak untuk memberi khidmat serta bantuan kewangan kepada OKU yang lemah dan kebanyakannya miskin kerana penjagaan OKU termasuklah dalam fardhu kifayah.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Sikap negatif masyarakat terhadap golongan kurang upaya ini dikenalpasti sebagai suatu halangan kepada mereka untuk mengambil bahagian secara penuh di dalam masyarakat. Mitos dan stereotaip negatif mengenai golongan ini telah melahirkan sifat prejudis yang sukar dikikis mengenai golongan ini dan kita dapat lihat dari sudut tingkah laku negatif dan sikap mereka dalam konteks sosial, pendidikan dan kerjaya. (Hazlin Falina Rosli, 2015)

Dalam mukadimah Resolusi 70/1 bertarikh 25 September 2015, PBB menyebut antara mereka yang dianggap sebagai golongan rentan adalah orang kurang upaya (OKU) yang perlu diberikan ruang dan peluang untuk menambah baik kelangsungan hidup mereka. Untuk matlamat ini, SDG 2030 berikrar memerangi sebarang bentuk diskriminasi berlandaskan ketidakupayaan seseorang bagi memastikan OKU mampu keluar dari rencah kemiskinan untuk turut serta dalam pembangunan ekonomi, sosial dan

budaya. Buat masa ini, kajian PBB menunjukkan hampir 80 peratus OKU sedunia hidup dalam kemiskinan. (Akta Kurang Upaya, 2008)

Penggunaan terminologi Orang Kelainan Upaya telah diperkenalkan oleh Bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak. Penggunaan terminology Orang Kelainan Upaya ini menunjukkan simbol penghormatan dan kekuatan diri yang berlainan di mana sekaligus berkemungkinan memberikan satu persepsi baru yang lebih bermakna kepada OKU. Masyarakat secara umumnya perlu mengiktiraf insan istimewa ini sebagai berlainan keupayaannya, dan bukan kurang keupayaannya.

Mereka adalah sebahagian daripada masyarakat, sehubungan itu mereka mempunyai hak kesaksamaan dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Dalam hal ini, semua individu tanpa mengira keupayaan dan ketidakupayaan mereka, jantina, sosial, ekonomi, kebudayaan, latar belakang etnik atau agama mempunyai hak yang sama rata untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang baik. Antaranya, peluang pendidikan dari peringkat rendah mahupun tinggi telah diberikan kepada golongan ini. (Norsaadah, 2017)

Sehubungan dengan itu, masyarakat memerlukan dorongan dan ransangan bersumberkan ayat-ayat al-Quran mahu pun hadis-hadis Nabawi untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan dalam menjaga kebajikan OKU. Ia termasuk cara-cara berinteraksi dengan mereka secara fizikal atau mental berdasarkan panduan al-Quran dan hadis Nabawi.

#### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Reka bentuk ini dapat menghuraikan dengan lebih lanjut subjek kajian iaitu *orang kurang upaya* (OKU) menurut perspektif al-Quran dan Hadis. Metode pengumpulan data bagi kajian ini adalah analisis dokumen. Manakala penganalisaan data dilakukan secara deskriptif.

#### **5.0 DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini dianalisis secara deskriptif. Ianya dihuraikan menurut perbincangan berikut.

##### **5.1 DEFINISI DAN KATEGORI OKU**

Orang Kurang Upaya (OKU) ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya 2008). Istilah OKU ini boleh disifatkan sebagai 'kurang mampu atau lemah untuk melakukan pekerjaan atau aktiviti hidup harian yang biasa dilakukan oleh orang yang normal. (Norsaadah, 2017)

Sementara itu, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) orang kurang upaya dianggap sebagai individu yang memenuhi semua kriteria dalam takrif seperti mempunyai kecacatan fizikal atau mental secara jangka panjang atau berulang-ulang dan

yang sebahagian besarnya menghadkan prospek mereka masuk kedalam kemajuan dalam pekerjaan. (Farah Ilyana. 2019)

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memberi tafsiran OKU ini sebagai seseorang yang tidak berupaya untuk menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu itu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya. Ini disebabkan oleh sesuatu kekurangan atau keadaan lemah, sama ada dari segi fizikal atau mental atau dari segi emosi, sama ada ia berlaku semenjak dilahirkan atau kemudian dari itu.

Kecacatan itu kadangkala disebabkan oleh faktor keturunan ataupun berpunca daripada penyakit yang dialami semasa proses pembesaran di dalam rahim ibu. Kebiasaannya, anak-anak yang dilahirkan akan mempunyai ketidakupayaan dalam pelbagai aspek tertentu mengikut keadaan tahap ketidaksempurnaan proses pembesarannya sama ada dari segi fizikal mahupun mental. (Jabatan Kebajikan Masyarakat, t.t)

Golongan OKU ini, khususnya di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua kelompok masyarakat iaitu kelompok golongan kanak-kanak istimewa atau kanak-kanak khas dan golongan istimewa dewasa dan warga tua. Kanak-kanak khas atau kanak-kanak istimewa ini boleh didefinisikan sebagai kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak normal dalam beberapa aspek. Antaranya adalah menerusi ciri-ciri keupayaan mental, sensori, keupayaan komunikasi, tingkah laku sosial ataupun ciri-ciri fizikal dan sebagainya.

Golongan OKU juga dikategorikan kepada dua kumpulan kecacatan yang utama iaitu ketidakupayaan kekal dan ketidakupayaan secara sementara. Kategori ketidakupayaan kekal adalah golongan cacat anggota, cacat pendengaran, cacat penglihatan, terencat akal dan warga tua. Manakala individu yang cedera, sakit dan mengandung pula diletakkan di bawah kategori ketidakupayaan sementara. Oleh itu, orang kurang upaya (OKU) boleh dirumuskan sebagai kumpulan manusia yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal atau mental, tidak seperti manusia normal. (Norsaadah, 2017)

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM), kekurangan upaya itu boleh dibahagikan kepada tujuh kategori;

Kategori OKU		Deskripsi
1	<b>Kurang Pendengaran</b>	<b>Upaya</b> i. <i>Bilateral hearing loss</i>
		ii. <i>Single sided deafness (SSD)/ Profound unilateral hearing loss.</i>
		iii. <i>Kecacatan telinga kekal/ sindrom berkaitan telinga/ sindrom berkaitan pendengaran.</i>
2	<b>Kurang Upaya Penglihatan</b>	i. <i>Terhad di kedua-dua belah mata.</i>
		ii. <i>Buta di kedua-dua belah mata.</i>
		iii. <i>Buta sebelah mata.</i>
		iv. <i>Lain-lain gangguan penglihatan kekal.</i>

<b>3 Kurang Upaya Pertuturan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Kecelaruan pertuturan dan bahasa/ Kecelaruan komunikasi kompleks.</li><li>ii. Kecelaruan motor pertuturan (<i>Motor Speech Disorder</i>).</li><li>iii. Kecelaruan suara.</li><li>iv. Kecelaruan kelancaran pertuturan/ kegagapan (<i>Fluency disorder</i>).</li><li>v. Kecelaruan Resonan (<i>Resonance Disorder</i>).</li></ul>
<b>4 Kurang Upaya Fizikal</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Kecacatan anggota badan (<i>Limb Defect</i>).<ul style="list-style-type: none"><li>- Keadaan di mana berlaku kehilangan separa atau sepenuhnya mana-mana bahagian anggota badan termasuk kehilangan tangan, kaki, jari tangan/ jari kaki.</li></ul></li><li>ii. <i>Spinal Cord Injury</i><ul style="list-style-type: none"><li>- Kecederaan saraf tunjang akibat trauma atau bukan trauma yang menjejaskan fungsi otot, deria serta autonomik.</li></ul></li><li>iii. Strok<ul style="list-style-type: none"><li>- Keadaan di mana berlaku kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba yang melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif, atau lain-lain anggota badan akibat daripada kekurangan oksigen atau pendarahan di dalam otak.</li></ul></li><li>iv. Kerdil (<i>Achon-droplasia</i>)<ul style="list-style-type: none"><li>- Keadaan di mana ketinggian bagi seseorang adalah kurang daripada 142cm bagi lelaki dan kurang daripada 138cm bagi wanita.</li></ul></li><li>v. Penyakit Kronik</li><li>vi. <i>Traumatic Brain Injury</i><ul style="list-style-type: none"><li>- Konkusi atau kecederaan traumatic sederhana pada otak.</li></ul></li><li>vii. <i>Cerebral Palsy</i><ul style="list-style-type: none"><li>- Gangguan kebolehan mengawal kedudukan dan pengaktifan badan disebabkan kerosakan pada otak yang sedang berkembang.</li></ul></li></ul>
<b>5 Kurang Upaya Pembelajaran</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. <i>Global Development Delay</i> (GDD) Perkembangan yang lewat dari usia yang sepatutnya.</li><li>ii. <i>Sindrom Down</i>.<ul style="list-style-type: none"><li>- Berpunca dari kecelaruan kromosom yang terlebih iaitu pada kromosom 21.</li></ul></li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. <i>Attention Defisit Hyperactivity Disorder (ADHD)</i>                      - Ia adalah kesulitan sepanjang hayat yang melibatkan tahap tumpuan serta kawalan impuls.</li> <li>iv. Autisme (gangguan neurologi yang memberi impak negatif dari segi kemahiran interaksi sosial dan imaginasi).</li> <li>v. Intelektual (Kekurangan dari segi fungsi intelek seperti terencat akal bagi kanak-kanak berumur 5 tahun keatas).</li> <li>vi. <i>Specific Learning Disability (Specific LD)</i>                      -<i>Dyslexia</i>: Perbezaan cara otak berfikir dalam menghubungkan simbol visual dan bunyi di mana mereka juga mengalami kesukaran untuk membaca, mengira, menulis, memahami dan mengeja.                      -<i>Dyscalculia</i>: Mempengaruhi keupayaan dalam menguasai kemahiran aritmetik.                      -<i>Dysgraphia</i>: Mempengaruhi keupayaan skil motor untuk membentuk huruf, menulis dan lain-lain.</li> </ul>
<b>6 Kurang Upaya Mental</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Organic Mental Disorder</i> yang serius dan kronik</li> <li>ii. <i>Schizophrenia, Schizotypal</i> dan gangguan delusi.</li> <li>iii. Gangguan mood/ perangai.</li> <li>iv. Gangguan cemas yang kronik (<i>Severe Anxiety Disorder</i>)</li> </ul>
<b>7 Kurang Upaya Pelbagai</b>	Kurang Upaya Pelbagai ( <i>Multiple Disabilities</i> ) bermaksud mempunyai lebih daripada satu jenis ketidakupayaan.

## 5.2 PENDANGAN AL-QURAN TERHADAP GOLONGAN OKU

OKU secara umumnya tidak disebut dalam al-Quran berdasarkan kecacatan zahir. Istilah-istilah seperti pekak, bisu dan buta yang banyak disebut secara berulang kali tidak merujuk kepada kecacatan sebenar tetapi secara analoginya ia melambangkan golongan yang menolak atau enggan menerima seruan untuk beriman kepada Allah s.w.t. Interaksi al-Quran dengan golongan yang ingkar melalui analogi kecacatan menunjukkan penghinaan hanya berlaku kepada manusia yang cacat batin (tidak beriman). Hal ini membuktikan bahawa dalam Islam, kecacatan zahir tidak perah memberikan sebarang implikasi kekurangan, kehinaan atau penyimpangan (deviant) (Nur Fadliana Binti Che Di, 2015). Merujuk kepada surah 'Abasa ayat 1-10, golongan OKU mendapat kedudukan yang istimewa apabila Allah s.w.t telah menegur Rasulullah s.a.w tentang cara layanan

baginda terhadap ‘Abdullah Ibn Ummi Maktum yang merupakan seorang yang cacat penglihatan. Berikut adalah terjemahannya:

Dia memasamkan muka dan berpaling, Kerana dia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, wahai Muhammad)? Barangkali dia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu)!. Ataupun dia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran). Maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal engkau tidak bersalah kalau dia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya). Adapun orang yang segera datang kepadamu. Dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah s.w.t); Maka engkau berlengah-lengah melayaninya.

(Surah ‘Abasa ayat 1-10)

Menurut Sya’ban, selepas peristiwa tersebut, Rasulullah s.a.w sangat memuliakan beliau dan apabila melihatnya baginda akan berkata, ‘Selamat datang orang yang telah menyebabkan aku ditegur oleh Tuhanku’. Abd al-Majid Ta’amah Halabi dalam Lubab al-Nuqul, sebuah kitab yang menyemak dan menyusun semula kandungan asbab al-Nuzul, karangan Imam Jalaluddin al-Suyuthi menyebut bahawa asbab al-nuzul (sebab-sebab

Riwayat ini telah dikeluarkan oleh al- Tirmidhi daripada ‘Aisyah RA berkata:

“Telah turun ayat: عَبَسَ وَتَوَلَّىٰ ۖ عَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَىٰ tentang ‘Abdullah bin Ummi Maktum yang buta, yang telah datang menemui Rasulullah s.a.w, berilah tunjuk ajar kepadaku! Sedangkan di sisi Rasulullah s.a.w pada ketika itu seorang tamu lelaki daripada kalangan pembesar musyrikin, lalu Rasulullah memalingkan muka darinya (tidak menghiraukan) dan memberi tumpuan kepada lelaki Quraisy itu; baginda bertanya: “Adakah sesuatu yang tersalah (dengan kehadiran Ibn Ummi Maktum)?”. Lelaki itu menjawab: “Tidak ada, maka turunlah ayat:

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰ ۖ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَىٰ

turun ayat bagi ayat pertama dan kedua surah ‘Abasa adalah:

Muhammad Āli al-Şabuni melakukan analisis yang terperinci dan mendalam dalam kitabnya *Qabas min Nūr al-Qurān* mengulas semula riwayat-riwayat mengenai sebab turun ayat tersebut dengan menyebut bahawa peristiwa yang berlaku menggambarkan kesungguhan dakwah Rasulullah s.a.w dengan memberi tumpuan terhadap kalangan pembesar atau pemuka Quraisy. Fokus dan keutamaan yang diberikan kepada pembesar-pembesar tersebut dianalisis sebagai suatu ijihad dakwah Rasulullah

s.a.w dengan harapan bahawa pengislaman pembesar Quraisy akan memungkinkan pengislaman keseluruhan pengikutnya ini akan memberi kejayaan besar kepada dakwah Islam.

Namun, ketika satu sesi pertemuan dengan pembesar-pembesar tersebut sedang berjalan, datang ‘Abdullah Ibn Ummi Maktum seorang yang buta lalu meminta Rasulullah s.a.w mengajarkan kepadanya tentang Islam dan permintaan itu disebut secara berulang-ulang, tanpa mengetahui situasi Rasulullah s.a.w ketika itu. Tindakan ‘Abdullah yang mencelah secara tidak sengaja itu telah memberi tekanan kepada Rasulullah s.a.w yang sedang berhadapan dengan pembesar-pembesar yang terhormat dalam kalangan Quraisy. Rasulullah s.a.w menjadi tidak senang apabila percakapannya dipotong oleh Abdullah lalu rona wajah baginda berubah dan berpaling (tidak menghiraukannya) dalam keadaan baginda terfikir bahawa musyrikin Quraisy pasti akan mengatakan pengikutnya hanya terdiri dari kalangan orang miskin, hamba dan orang buta sahaja. Sejurus selepas Rasulullah s.a.w meneruskan percakapannya dengan menghadap kepada musyrikin, Allah s.w.t menurunkan ayat 1 dan 2 Surah ‘Abasa sebagai suatu celaan halus dan lembut atas tindakan Rasulullah s.a.w itu. (Nur Fadliana Binti Che Di, 2015).

Keterangan ayat 1 hingga 10 surah ‘Abasa menunjukkan bahawa perlunya seseorang pendakwah memahami psikologi OKU agar dakwah dapat disampaikan secara berkesan. Panduan al-Quran tersebut hendaklah dijadikan panduan bagi orang Islam dalam berinteraksi dengan OKU, khususnya untuk tujuan dakwah. Wahyu yang diturunkan ini telah menimbulkan kesedaran dan keinsafan; dan sejak itu, baginda Rasulullah s.a.w mengambil sikap memberikan perhatian dan layanan yang sama, tanpa mengira taraf kedudukan seseorang, baik miskin atau kaya, rendah atau mulia, hamba atau merdeka; dan Ibnu Ummi Maktum mula dihormati dan dilayani sebaiknya oleh Rasulullah s.a.w sesudah itu. Sikap persamaan taraf yang dibawa oleh baginda Rasulullah s.a.w telah menarik perhatian golongan ramai hamba abdi dalam masyarakat Makkah, hingga menimbulkan kebimbangan, kegelisahan dan gementar di kalangan kaum musyrikin. Kegelisahan dan gementar itu lebih memuncak terutamanya golongan mereka yang angkuh dengan kekayaan harta.

Peristiwa di atas menunjukkan bahawa walaupun seseorang itu ada kecacatan tertentu, maka kita harus melayaninya seperti orang lain, terutama jika mereka mendekati kita bagi tujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan agama. Oleh itu, sebagai ahli masyarakat yang akan sentiasa berdepan dengan OKU, kita perlulah mengamalkan sikap-sikap yang tertentu agar kebajikan serta hak-hak mereka terpelihara.

Selain itu, terdapat juga ayat lain yang membicarakan mengenai perihal OKU iaitu mengenai ketentuan berperang bagi orang yang mampu dan terhalang daripada berperang. Ayat tersebut adalah daripada surah an-Nisa’ ayat ke 95 hingga 96. Berikut adalah terjemahannya.

Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman selain daripada orang-orang yang ada keuzuran dengan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah s.w.t (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah



s.w.t melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjat dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah menjanjikan dengan balasan yang baik (Syurga) dan Allah s.w.t melebihkan orang-orang yang berjuang atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tidak ada sesuatu uzur) dengan pahala yang amat besar; Iaitu beberapa darjat kelebihan daripadaNya dan keampunan serta rahmat belas kasihan dan (ingatlah) adalah Allah s.w.t Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Imam Syafie dalam menafsirkan ayat 95 surah an-Nisa', mengatakan adalah jelas bahawa Allah s.w.t menjanjikan kebaikan kepada mereka yang tidak mempunyai keuzuran walaupun tidak turut serta dalam berjihad. Ini menunjukkan golongan seperti mereka ini tidak berdosa sekiranya tidak turut serta dalam berjihad malah Allah s.w.t menjanjikan kebaikan (syurga) kepada mereka asalkan mereka beriman kepada Allah s.w.t tanpa sebarang keraguan. Dalam ayat ini boleh dilihat bahawa tuntutan berjihad adalah ke atas mereka yang sihat tubuh badan dan tidak mempunyai sebarang keuzuran. Maka bagi mereka yang mempunyai keuzuran seperti buta dan sakit, ayat ini merupakan jalan keluar dan sebab yang munasabah untuk tidak turut serta dalam berjihad.

Di dalam surah ini juga Allah s.w.t menceritakan tentang kelebihan orang yang keluar berjihad berbanding orang-orang yang hanya duduk sahaja kecuali bagi mereka yang mempunyai keuzuran, dengan ganjaran berupa syurga yang berbagai rahmat dan berkat sebagai tanda kebaikan dan kemuliaanNya serta menjanjikan keampunan kepada mereka. Berikut adalah terjemahannya:

Maksudnya: Tidaklah menjadi salah kepada orang buta dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya) dan (ingatlah), sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai dan sesiapa yang berpaling ingkar, akan diseksanya dengan azab yang tidak terperi sakitnya.

Di dalam ayat ini Allah s.w.t memberikan pengecualian daripada turut berperang kepada tiga golongan iaitu; orang buta, tempang dan orang yang sakit. Ini adalah kerana mereka mempunyai keuzuran yang zahir dan jelas dan mereka tidak berdosa sekiranya tidak turut serta berperang. Sesungguhnya Allah s.w.t telah berjanji bahawa barangsiapa yang berjihad pada jalan Allah s.w.t, Allah s.w.t akan mengurniakan padanya tempat yang mulia, iaitu syurga yang mengalir sungai-sungai dibawahnya.

### **5.3 PANDANGAN HADIS TERHADAP GOLONGAN OKU**

Terdapat beberapa buah hadis sahih yang menyentuh mengenai interaksi Rasulullah s.a.w pada zaman baginda. Hadis-hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w dan para

sahabat menjaga kebajikan OKU hinggalah mereka cukup senang dalam menempuh kehidupan sebagai hamba Allah s.w.t yang cacat dan serba kekurangan.

### 5.3.1 Rukhsah Solat bagi OKU

Rasulullah s.a.w dan para sahabat telah mempamerkan akhlak dan juga satu tauladan hebat dalam aspek kebajikan, demikianlah juga dari aspek hak-hak asasi OKU.

- i. Hadis ini telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari di dalam kitabnya al-Jāmi' as-

((صل قائما ، فإن لم تستطع فقاعدا ، فإن لم تستطع فعلى جنب))

Maksudnya: Solatlah dalam keadaan berdiri, jika tidak mampu solatlah dalam keadaan duduk, jika tidak mampu, solatlah di atas lambunganmu (mengiring).

- Ṣoḥiḥ li al-Bukhari dengan lafaz dan makna yang sama.  
(Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab Taqṣir al-Solah, Bab Idhā Lam Yattiqu Qāidan Solla °Ala Janbin, No hadis 1117, 348)
- ii. Imam Abu Daud juga telah meriwayatkan di dalam sunannya iaitu Sunan Abī Dāud dengan lafaz dan makna yang sama  
(Hadis riwayat Abu Daud, Kitab Solah, Bab Solah al-Qāid, No. hadis 952, 165-166. Imam al-Albani di dalam Sahih Sunan Abī Daud pada halaman 266 menghukumkan hadis ini sebagai hadis sahih.
  - iii. Imam Tirmidhi juga meriwayatkan dalam Jami' Al-Tirmidhi dengan lafaz dan makna yang sama.  
(Hadis riwayat Tirmidhi, Kitab as-Solah, Bab Mā Jāa Anna Solah al-Qaid °ala al-Nisf min Solah al Qāim, No.hadis 372, 101)
  - iv. Ibn Mājah telah meriwayatkan di dalam sunannya dengan lafaz dan makna yang sama. (Hadis riwayat Ibnu Majah, Kitab Iqamah as-Salawat wa as-Sunnah fiha, Bab Ma Jaa fi Solat al-arid, No.hadis 1223, 217)

Solat adalah tiang agama dimana tanpanya rapuhlah iman seseorang itu. Sesiapa yang meninggalkannya dengan sengaja atau dengan alasan apa sekalipun bermakna dia berusaha untuk meruntuhkan agamanya sendiri. Solat juga merupakan identiti diri seseorang individu Islam kerana ianya membezakan antara Muslim dan bukan Muslim. Melaksanakan ibadah solat menunjukkan penyataan rasa syukur seorang hamba kepada Allah s.w.t dengan kurniaan nikmatNya yang tidak terhitung kepada hamba-hambaNya (Asmak Liana Bakar, 2017) Kewajipan ini tidak gugur terhadap mereka yang mengalami kecacatan kerana kecacatan yang dialami itu tidak menjadi asbab dan alasan untuk tidak menunaikan solat khususnya solat fardhu.

Solat fardhu merupakan kewajiban yang paling utama bagi umat Islam setelah mengucap dua kalimah shahadah yang mesti ditunaikan selagi seseorang itu bergelar mukallaf yang memenuhi syarat-syarat wajib solat. Golongan ini boleh menunaikan ibadah ini sekadar mengikut kemampuan mereka, seperti firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud: “Allah s.w.t tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. ...”

Ayat ini menunjukkan bahawa Islam tidak membebankan umatnya dengan sesuatu yang diluar kemampuan dan keupayaannya. Golongan ini diberikan rukhsah bagi memudahkan mereka melaksanakan tuntutan solat ini mengikut kadar kemampuan mereka. Walaupun terdapat kesukaran kepada mereka dalam memenuhi tuntutan ini, tetapi rukun Islam yang kedua ini tetap perlu dilaksanakan bagi melengkapkan dirinya sebagai seorang Muslim sejati dan seterusnya mendapat hikmah pensyariatannya sebagaimana manusia normal yang lain (Hamdi Ishak, 2017)

Contohnya, OKU yang mengalami kecacatan anggota secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu mereka yang masih boleh berdiri, berkerusi roda dan lumpuh. Cara solat bagi ketiga-tiga kategori ini boleh diqiyaskan dengan cara solat orang sakit kerana persamaan ‘illah antara keduanya iaitu keuzuran kepada anggota solat yang tertentu. Orang yang mengalami kecacatan anggota badan diwajibkan untuk melakukan solat seperti cara orang sakit bersolat. Cara solat mereka sebenarnya sama seperti orang normal dari sudut rukun niat dan rukun bacaan kecuali dalam rukun anggota yang dilakukan mengikut kemampuan masing-masing. Seseorang OKU itu boleh solat menggunakan kaki palsu, kerusi roda mahupun kerusi biasa. (Hamdi Ishak, 2017)

Hadis diatas mengajar kita akan bagaimana orang yang sakit, uzur dan OKU anggota untuk menunaikan solat sama ada dengan cara berdiri, duduk mahupun baring. Untuk membezakan antara sujud dan rukuk, dibezakan dengan kadar tunduk kepala, di mana sujud lebih rendah dari rukuk. Kadarnya mengikut kemampuan masing-masing. Namun begitu, hadis ini adalah panduan bagi individu yang cacat anggota sahaja (Asmak Liana Bakar, 2017)

### 5.3.2 Solat berjemaah bagi Orang Kurang Upaya (OKU)

أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ أَعْمَى فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ لِي قَائِدٌ  
يَقُودُنِي إِلَى الْمَسْجِدِ فَسَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرَخِّصَ لَهُ  
فِيصَلِّيَ فِي بَيْتِهِ فَرَخَّصَ لَهُ فَلَمَّا وُلَّى دَعَاهُ فَقَالَ هَلْ تَسْمَعُ النَّدَاءَ بِالصَّلَاةِ قَالَ  
نَعَمْ قَالَ فَأَجِبْ

Terjemahannya: Seorang lelaki buta mendatangi nabi s.a.w, lalu dia berkata kepada Rasulullah s.a.w, “Wahai Rasulullah, tidak ada seseorang pun yang menuntunku ke masjid.” Kemudian ia meminta keringanan kepada rasulullah S.A.W baginya untuk solat di rumah saja. Rasulullah s.a.w memberi keringanan kepadanya. Ketika ia sudah berpaling henak

pergi, Rasulullah s.a.w memanggilnya dan berkata padanya, “Adakah engkau mendengar seruan untuk solat?” Dia menjawab, “Ya”. Pada riwayat lain, dia menjawab “Ya”, maka sesungguhnya aku tidak menemui keringanan pada kamu.

- i. Hadis riwayat Muslim di dalam kitab Sahih Muslim dengan lafaz dan makna yang sama.  
(Hadis riwayat Muslīm, Kitab Masājid, Bab Yajibu Ityan al-Masjid ‘ala Man Sami‘a al-Nida, No hadis 653, 452.)
- ii. Abu Daud juga meriwayatkan di dalam sunannya, Sunan Abu Daud dengan makna yang sama.  
(Hadis riwayat Abu Dāūd, Kitab al-Solah, Bab al Tashdid fī Tarki al-Jama‘ah, No. hadis 552 dan 553, 102-103.)
- iii. Ibnu Majah juga meriwayatkan di dalam sunannya, iaitu Sunan Ibnu Majah dengan makna yang sama.  
(Hadis riwayat Ibnu Mājah, Kitāb al-Masājīd, Bab al-Taghlīz fī al-Takhalluf ‘an al-Jamā’ah, No. hadis 792, 150.)
- iv. Imam Nasaie meriwayatkan di dalam sunannya iaitu Sunan al-Nasa‘i di dalam dengan makna yang sama juga.

(Hadis riwayat an-Nasa‘i, Kitab al-Imāmah, Bab al-Muhāfazah ‘ala al-Solawāt, No. hadis 850 dan 851, 141.)

Antara syiar Islam yang utama dan kelebihanannya yang agung ialah solat secara berjamaah di masjid sebagaimana amalan nabi s.a.w. Dalam Islam solat secara berjamaah adalah perkara yang penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi disisi Allah s.w.t. Lantaran itu, perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w ketika tiba di Madinah ialah membina masjid untuk menunaikan solat.

Firman Allah s.w.t dalam surah An-Nur ayat 36:

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمَاءٌ سُبِّحَ لَهَا فِيهَا بِالْأَعْدُوِّ  
وَأَلَّا يَصَالَ ۝

Maksudnya: (Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang.

Sesungguhnya pahala solat seseorang secara berjamaah melebihi 27 darjat daripada solat bersendirian. Seandainya diseru kepada manusia itu dengan hanya 1 ringgit yang dilaburkan dalam perniagaan akan digandakan kepada 27 kali ganda, nescaya mereka berlumba-lumba, malah sanggup berbalah kerana tamakkan keuntungan duniawi yang sedikit. Kelebihan solat berjamaah berbanding solat seorang diri ini sangat jelas sebagaimana dinyatakan dalam hadis daripada Abdullah Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ  
الْفِدِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Maksudnya: Solat berjamaah lebih afdal daripada solat bersendirian sebanyak dua puluh tujuh darjat.

Namun begitu, walaupun OKU mempunyai kekurangan, namun kewajipan untuk mentaati perintah dan meninggalkan larangan Allah s.w.t tetap sama seperti hamba yang lain. Tiada apa yang membezakan mahupun dikecualikan daripada melaksanakan tuntutan itu.

Berdasarkan hadis di atas, dapatlah dilihat bahawa setiap tuntutan dan kewajipan Allah s.w.t itu wajib dilaksanakan selagi mampu walaupun mempunyai kecacatan fizikal dan kekurangan diri. Sesungguhnya solat berjamaah itu merupakan salah satu tuntutan di mana Allah s.w.t menjanjikan ganjaran berlipat kali ganda kepada hambaNya (Nur Fadliana Binti Che Di, 2015).

### 5.3.3 Ganjaran dan suruhan berbuat baik kepada orang yang lemah

i. Hadis riwayat Imam Ahmad bin Hanbal di dalam musnadnya.

((عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ذَهَبَ الْأَعْيَاءُ بِالْأَجْرِ يُصَلُّونَ وَيَصُومُونَ وَيَحُجُّونَ قَالَ وَأَنْتُمْ تُصَلُّونَ وَتَصُومُونَ وَتَحُجُّونَ قُلْتُ يَتَصَدَّقُونَ وَلَا نَتَصَدَّقُ قَالَ وَأَنْتَ فِيكَ صَدَقَةٌ رَفَعَكَ الْعِظَمَ عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ وَهَدَايَتِكَ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ وَعَوْنُكَ الضَّعِيفَ بِفَضْلِ قُوَّتِكَ صَدَقَةٌ وَبَيَانُكَ عَنِ الْأَرْضِ صَدَقَةٌ وَمُبَاضَعَتُكَ امْرَأَتَكَ صَدَقَةٌ

((Maksudnya : “Dari Abi Dzar berkata: Aku telah berkata, “Wahai Rasulullah s.a.w, orang-orang kaya telah pergi dengan membawa pahala mengerjakan solat, berpuasa, dan haji, lalu Rasulullah s.a.w bersabda: Kamu juga boleh mengerjakan solat, berpuasa, dan menunaikan haji, aku berkata lagi: Mereka boleh bersedekah sedangkan kami tidak, lalu baginda bersabda: Kamu juga boleh bersedekah, kamu menyingkirkan tulang dari jalan adalah sedekah, kamu menunjukkan jalan adalah sedekah, pertolonganmu terhadap orang lemah dengan kekuatanmu adalah sedekah, penjelasanmu terhadap orang yang tidak jelas ucapannya adalah sedekah, dan persetubuhan kamu dengan isteri kamu adalah sedekah”.

(Hadis riwayat Ahmad bin Hanbal, 153/5, No. hadis 21260, 15:504

Salah satu konsep tolong menolong ialah mereka yang berkeupayaan perlu membantu golongan lain yang kurang atau tidak berkemampuan. Oleh itu, mereka yang diberi kelebihan oleh Allah s.w.t hendaklah menolong dan memberi sumbangan kepada golongan yang kurang bernasib baik atau kurang berkemampuan. Imam al-Ghazali menyebut, hak seorang muslim ke atas muslim yang lain ialah memberi pertolongan kepada saudaranya yang mempunyai hajat dan keperluan mengikut kemampuan mereka. (Nurazmallail, 2004)

Sesungguhnya Allah s.w.t menciptakan manusia berbeza-beza. Ada yang diciptakan sebagai individu yang kuat, sihat, kaya dan ada juga yang diciptakan sebagai individu yang lemah, miskin dan sakit. Tetapi sesungguhnya di setiap perbezaan itu pasti ada hikmah dibaliknya.

Berdasarkan hadis ini, insan yang sempurna amat dituntut untuk membantu mereka yang lemah dan kurang upaya serta ditegah daripada mempersendakan dan memandang rendah terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini. Selain itu, bagi golongan ini, pertolongan atau bantuan yang diberikan itu tidak semestinya dalam bentuk wang ringgit atau harta. Tetapi ia sudah cukup dengan usaha yang kecil seperti senyum, menunjukkan arah jalan dan sebagainya. (Nur Fadliana Binti Che Di, 2015).

#### 5.3.4 Berbuat baik kepada yang lemah menjadi sebab terbukanya pintu rezeki.

رَأَى سَعْدٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ لَهُ فَضْلًا عَلَى مَنْ دُونَهُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَلْ تُنْصَرُونَ وَتُرْزَقُونَ إِلَّا بِضِعْفَائِكُمْ؟

Maksudnya: Sa'd melihat bahawa sesungguhnya dirinya memiliki kelebihan yang tiada pada yang lain, lalu Rasulullah S.A.W bersabda, "Bukankah kalian tidak mendapat pertolongan (kemenangan) dan rezeki melainkan disebabkan oleh orang-orang lemah diantara kalian?".

- i. Hadis riwayat Bukhari di dalam al-Jami' as-Sohih dengan lafaz dan makna yang sama.

(Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa as-Sair, Bab Man Ista'ana bi al-Du'afai wa as-Solihin fi al-Harbi, No. hadis 2896, 330-331)

Hadis ini adalah berdasarkan kisah tentang Mus'ab ibnu Sa'd ibnu Abi Waqqas yang menceritakan bahawa ayahnya, Sa'd merasa bahawa dirinya mempunyai kelebihan berbanding para sahabat yang lain. Maka nabi S.A.W mengingatkan beliau melalui hadis untuk mendorong beliau agar tawadu', tidak menyombongkan diri di hadapan orang lain dan tidak memperlekeh atau merendahkan muslim yang lain dalam apa jua keadaan sekalipun (Nur Fadliana Che Di, 2015)

Nabi S.A.W menjelaskan kepada kita bahawa berbuat baik kepada orang yang lemah boleh menjadi sumber kebaikan dan kekuatan umat Islam. Ia juga sebab datangnya atau terbukanya pintu rezeki dan kemenangan terhadap musuh. Ini adalah kerana ibadah dan doa orang yang lemah adalah lebih ikhlas dan khusyuk kerana hati mereka tidak bergantung kepada keselesaan dan kemewahan dunia dan bersih dari perkara yang boleh memutuskan hubungan mereka dengan Allah s.w.t.

Banyak pengajaran yang dapat diambil daripada hadis di atas, antaranya; anjuran supaya bersikap tawadu' (merendah diri) dan tidak sombong kepada orang lain. Selain itu, kita tidak boleh memandang rendah terhadap orang yang lemah kerana sesungguhnya mereka ini merupakan sumber kebaikan kepada umat Islam. Walaupun mereka hanya lemah tubuh badan, tetapi keimanan, kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap Allah s.w.t sangat kuat.

## 6.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kita semua khususnya yang beragama Islam telah diberi hak yang sama rata sebagai seorang manusia tidak kira kaya, miskin, tua, sihat, cacat dan sebagainya di atas muka bumi ini. Tanpa adab dan etika berinteraksi yang baik dengan sesetengah golongan ini boleh menyebabkan salah faham dan pergaduhan.

Dalam mendepani isu OKU, agama Islam melalui acuan al-Quran dan hadis telah sedia memberi jawapan khususnya dalam membangunkan OKU. Surah ‘Abasa dan surah an-Nisa’ bukan sahaja sekadar membentangkan prinsip-prinsip dan nilai dakwah, malah kedua-dua surah ini membongkarkan kepada kita bagaimana pendekatan dan kaedah yang perlu diambil oleh semua orang termasuklah pemerintah bagi membangunkan golongan OKU.

Sehubungan itu, kita sangat dituntut mencontohi cara Rasulullah s.a.w berinteraksi dengan orang kurang upaya atau orang yang lemah seperti Abdullah bin Ummi Maktum, ‘Amru bin Jamuh, Itban bin Malik dan lain-lain lagi. Baginda Rasulullah s.a.w tidak memandang rendah kepada golongan ini malah baginda memuliakan lagi golongan ini. Begitu juga Rasulullah s.a.w menyuruh supaya melayan golongan yang lemah dan tidak berupaya dengan layanan yang baik serta baginda melarang keras bagi sesiapa yang melakukan sebaliknya kepada golongan ini.

## 7.0 RUJUKAN

- Farah Ilyana. 2019. *Tahap Kepuasan Pelajar OKU Terhadap Pengurusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Hamdi Ishak & Najah Nadiah Imran. 2017. *Service-Learning Bersama OKU: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI, UKM*. Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal al-Turath*; Vol. 2, No. 1; 2017
- Hazlin Falina Rosli, Safura Sabri, Norazila Wahad & Nurzakira Afnee. 2015. *Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia: Melalui Perspektif Media*. Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Proceeding of The 2<sup>nd</sup> International Conference on Management and Muamalah 2015(2<sup>nd</sup> ICoMM) 16<sup>th</sup>-17<sup>th</sup> November 2015*.192-199.
- Norsaadah, Hasliza, Siti Zaleha & Sri Andayani. 2018. *Hubungan Perspektif Orang Kurang Upaya dan Masyarakat di Institusi Masjid*. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK) 2018. 23-24 April 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.



- Norsaadah, Hasliza, Siti Zaleha, & Aqilah. 2017. *Kesedaran Sosial Terhadap Golongan Mahasiswa Kurang Upaya di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK) .26-27 April 2017. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Nur Fadliana Che Di. 2014. *Interaksi Rasulullah S.A.W bersama Orang Kelainan Upaya (OKU): kajian layanan terhadap mahasiswa kelainan upaya di Universiti Malaya*. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Nurul Asmak Liana Bakar, Hamdi Ishak & Tengku Intan Zarina. 2017. *Halangan Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan di Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Wilayah Terengganu*. Jurnal 'Ulwan Jilid 1 2017: 43-62.
- Hajah Siti Fatimah Binti Abdul Rahman. 2000. *Orang Kurang Upaya Dari Perspektif Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mona.M Amer. 2015. *Disability in Islam: Insights into Theology, Law, History, and Practice*. The American University in Cairo Marshall Vol1 Ch13 p157-p176.
- Nurazmallail, Ahmad Kilani. 2004. *Amalan Bekerjasama Dalam Komuniti Setempat: Kepentingannya Menurut Perspektif Islam*. Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004) ,4 hingga 6 September 2004 , Universiti Utara Malaysia.